

PERATURAN-PERATURAN LALU LINTAS JALAN 2016
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH
(PINDAAN 2023)

ISI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
BAHAGIAN I - PERMULAAN		
1.	Nama	2
2.	Pemakaian Peraturan	2
3.	Tafsiran	3-4
BAHAGIAN II – KESALAHAN-KESALAHAN LALU LINTAS DI KAMPUS		
4.	Kesalahan-Kesalahan Lalu lintas Di Kampus	4-8
BAHAGIAN III - KUASA-KUASA DAN LANTIKAN		
5.	Kuasa-Kuasa Dan Lantikan	9
BAHAGIAN IV – TINDAKAN DAN KOMPAUN		
6.	Tindakan Ke Atas Kesalahan Lalu lintas	9-10
BAHAGIAN V – PERUNTUKAN AM		
7.	Had Kuasa Pemakaian Peraturan	10
JADUAL PENYATA KESALAHAN DAN KOMPAUN		11

PERATURAN-PERATURAN LALU LINTAS JALAN 2016
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH
(PINDAAN 2023)

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh Seksyen 4 (1) (v) dan Seksyen 38 (5) Perlembagaan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah, Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah membuat peraturan berikut:-

BAHAGIAN I - PERMULAAN

Nama

1. Peraturan ini boleh dinamakan Peraturan-peraturan Lalu Lintas Jalan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah 2016 ('Peraturan').

Pemakaian Peraturan

2.
 - a) Peraturan ini dikeluarkan dengan tujuan menjaga keselamatan lalu lintas jalan di dalam kawasan kampus Universiti.
 - b) Peraturan ini hendaklah terpakai bagi semua staf, pelajar, pekerja-pekerja luar dan pelawat di dalam kawasan kampus Universti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah.
 - c) Peraturan ini hendaklah dipakai bersama-sama dengan peruntukan-peruntukan undang-undang lalu lintas jalan iaitu:-
 - i) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333];
 - ii) Kaedah-kaedah Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009;
 - iii) Garis Panduan Penggunaan Kenderaan Mikromobiliti Di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah;
 - iv) Lain-lain undang-undang yang berkuatkuasa dari masa ke masa.

Tafsiran

3. Dalam Peraturan ini melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain.

“arahan lalu lintas” ertinya apa-apa perintah, arahan atau petunjuk yang diberi oleh Naib Canselor atau seseorang yang diberi kuasa oleh Naib Canselor untuk bertindak bagi pihak Universiti kepada mana-mana orang yang menggunakan jalan atau kenderaan dalam Kampus;

“isyarat lalu lintas” termasuklah apa-apa isyarat, tiang tanda amaran, tiang arahan, tanda atau alat yang didirikan atau diadakan di atas atau berhampiran dengan jalan untuk makluman, panduan atau arahan orang-orang yang menggunakan jalan.

“Kampus” ertinya

- a) Kampus atau kampus cawangan Universiti
- b) Kampus sebagaimana yang dinyatakan di dalam perintah yang dibuat di bawah subseksyen 6 (1) Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971.
- c) kawasan, bersekali dengan segala bangunan atau struktur lain di atasnya, yang dipunyai atau digunakan, sama ada untuk selamalamanya, atau selainnya, oleh Universiti.

“kenderaan” ertinya suatu struktur yang boleh bergerak atau digerakkan atau digunakan bagi membawa mana-mana orang atau benda dan yang bersentuhan dengan permukaan bumi apabila bergerak;

“kenderaan motor” ertinya tiap-tiap perihal kenderaan yang digerakkan oleh jentera mekanisme yang terkandung di dalam badan kenderaan itu dan dibina atau disesuaikan supaya boleh digunakan di atas jalan dan termasuklah apa-apa kenderaan yang ditarik oleh sesuatu kenderaan motor sama ada atau tidak bahagian dari kenderaan yang ditarik sedemikian menindih atas kenderaan motor yang menariknya;

“kenderaan mikromobiliti” ertinya mana-mana kenderaan yang dipacu oleh sumber elektrik, enjin pembakaran dalam atau kuasa manusia atau gabungan sumber elektrik, enjin pembakaran dalam atau kuasa manusia dan mempunyai kelajuan maksimum 50km/j seperti mana yang

diperincikan di dalam Garis Panduan Penggunaan Kenderaan Mikromobiliti Di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah.

“kesalahan lalu lintas” ertinya kesalahan yang dinyatakan di dalam Peraturan 4;

“Naib Canselor” ertinya Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah;

“pelawat” ertinya individu atau mana-mana individu yang berada di kawasan kampus;

“pekerja luar” ertinya individu atau mana-mana individu yang bukan merupakan staf Universiti yang menjalankan sesuatu kerja tetap atau sementara di dalam kampus Universiti;

“pelajar” termasuklah mana-mana pelajar lepasan siswazah, pelajar sambilan, pelajar di bawah rancangan pengajian jarak jauh atau luar kampus, pelajar diploma, pelajar matrikulasi, pelajar bukan siswazah Universiti dan pelajar-pelajar yang mengikuti kursus sepenuh masa atau sambilan Universiti;

“pelajar menetap” ertinya pelajar yang menetap di dalam asrama;

“pengawal keselamatan” ertinya semua peringkat anggota keselamatan yang dilantik oleh pihak berkuasa Universiti; dan

“Staf” ertinya mana-mana pekerja Universiti;

“Universiti” ertinya Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah.

BAHAGIAN II – KESALAHAN-KESALAHAN LALU LINTAS DI KAMPUS

4.1 Seseorang staf, pelajar, pekerja luar dan pelawat adalah dilarang melakukan perkara-perkara berikut:-

a) **Had laju**

- i. Tiada seseorang staf, pelajar, pekerja luar dan pelawat pun boleh memandu sesebuah kenderaan dalam kampus selaju lebih daripada had laju yang ditunjukkan oleh papan tanda lalu lintas; dan

- ii. Tiada seseorang staf, pelajar, pekerja luar dan pelawat pun boleh menggunakan kenderaan mikromobiliti dalam kampus selaju lebih daripada had laju yang ditunjukkan oleh papan tanda lalu lintas dan seperti yang ditetapkan di bawah Garis Panduan Penggunaan Kenderaan Mikromobiliti di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah.

b) Kenderaan hendaklah dipandu hanya atas jalan laluan yang dibenarkan

- i. Tiada seseorang staf, pelajar, pekerja luar dan pelawat pun boleh memandu sesebuah kenderaan motor di mana-mana tempat melainkan di bahagian jalan yang digunakan sebagai jalan laluan bagi kenderaan motor; khususnya, tiada kenderaan motor boleh dipandu di atas laluan jalan kaki, bahu jalan, tepi rumput, lorong jalan kaki, koridor, beranda, kaki lima, laman dalam atau dalam mana-mana bahagian, mana-mana bangunan atau tempat lain sama ada di sisi jalan laluan atau selainnya yang biasanya tidak dimaksudkan atau tidak disediakan secara khas bagi laluan kenderaan motor; dan
- ii. Tiada seseorang staf, pelajar, pekerja luar dan pelawat pun boleh menggunakan kenderaan mikromobiliti di mana-mana tempat melainkan di laluan yang dibenarkan untuk penggunaan kenderaan mikromobiliti seperti yang ditetapkan di Perenggan 6, Garis Panduan Penggunaan Kenderaan Mikromobiliti di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah.

c) Meletak kenderaan secara menghalang

Tiada seseorang staf, pelajar, pekerja luar dan pelawat pun boleh meletak apa-apa kenderaan di mana-mana tempat dengan apa-apa cara yang menyebabkan “bahaya” atau “halangan” atau kesusahan kepada mana-mana orang atau kenderaan lain.

d) **Menggunakan ruang letak kenderaan yang diuntukkan**

Jika sesuatu ruang letak kenderaan diuntukkan bagi sesebuah kenderaan motor tertentu tiada seseorang staf, pelajar, pekerja luar dan pelawatpun boleh meletakkan kenderaan motor yang lain dalam ruang letak kenderaan itu.

e) **Membonceng/Menumpang**

- i. Seseorang staf, pelajar, pekerja luar dan pelawat yang menunggang motosikal beroda dua tidak boleh membawa lebih daripada seorang di atas motosikal itu.
- ii. Tiada seseorang staf, pelajar, pekerja luar dan pelawat boleh membawa seseorang di atas motosikal beroda dua melainkan jika orang itu duduk membonceng motosikal itu di belakang tempat duduk penunggang di atas tempat duduk yang direkabentuk dengan sempurna dan dipasang dengan kukuh pada motosikal itu.
- iii. Tiada seseorang staf, pelajar, pekerja luar dan pelawat boleh membawa seseorang penumpang di atas sesebuah kenderaan mikromobiliti melainkan jika penumpang itu duduk di belakang tempat duduk penunggang di atas tempat duduk penumpang yang direkabentuk dengan sempurna dan dipasang dengan kukuh pada kenderaan mikromobiliti itu.
- iv. Seseorang staf, pelajar, pekerja luar dan pelawat pun tidak boleh membenarkan dirinya di bawa di atas motosikal beroda dua atau kenderaan mikromobiliti yang ditunggang oleh mana-mana orang samada seorang staf, pelajar,pekerja luar dan pelawat atau bukan, dengan melanggar perenggan (i) dan (ii).

f) **Arahan dan tanda lalu lintas**

Setiap pemandu kenderaan, pengguna kenderaan mikromobiliti, penumpang dan pembonceng motosikal hendaklah mematuhi arahan dan tanda lalu lintas.

g) **Mengemukakan lesen memandu apabila diminta**

Mana-mana orang yang memandu atau yang bertanggungjawab ke atas, atau mengawal suatu kenderaan motor hendaklah membawa bersamanya lesen memandu yang sah yang dikeluarkan kepadanya di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan hendaklah mengemukakan lesen memandu untuk diperiksa oleh Pengawal Keselamatan apabila dikehendaki berbuat demikian.

h) **Halangan kepada aliran lalu lintas**

Seseorang staf, pelajar, pekerja luar dan pelawat tidak boleh berkelakuan dalam apa-apa cara atau melakukan apa-apa perbuatan yang menghalang atau mengganggu perjalanan lalu lintas yang lancar dan teratur di dalam kampus.

i) **Larangan meletak apa-apa kenderaan di tempat-tempat berikut:-**

- 1) Tanda Larangan Meletak Kenderaan;
- 2) Di garisan Kuning/Petak Kuning;
- 3) Kaki lima bangunan;
- 4) Di hadapan tangga/pintu masuk mana-mana;
- 5) Meletak kenderaan di persimpangan jalan;
- 6) Meletak kenderaan di bahu jalan;
- 7) Meletakkan kenderaan motor di mana-mana tempat yang dikenalpasti oleh Universiti sebagai kawasan larangan meletak kenderaan motor.

j) **Pengguna Kenderaan Mikromobiliti**

Seseorang staf, pelajar, pekerja luar dan pelawat yang menggunakan kenderaan mikromobiliti tanpa mematuhi Garis Panduan Penggunaan Kenderaan Mikromobiliti di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah adalah turut disifatkan telah melakukan kesalahan lalu lintas di bawah Peraturan ini.

k) **Semua perkara berkaitan pendaftaran dan pemilikan kenderaan persendirian pelajar adalah tertakluk dengan Kaedah Universiti**

Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009.

- l) Seseorang staf, pelajar, pekerja luar dan pelawat dilarang mengingkari arahan Pengawal Keselamatan atau mana-mana staf yang diberi kuasa dari menguatkuasakan Peraturan ini.

- m) Seseorang staf, pelajar,pekerja luar dan pelawat adalah juga dilarang melakukan perkara-perkara berikut:-
 - 1) Memandu sesebuah kenderaan motor dengan tidak mempamerkan pelekat kenderaan yang sah bagi tahun semasa;

 - 2) Tidak memakai tali pinggang keledar/tidak memakai topi keledar;

 - 3) Merosakkan atau memusnahkan harta benda Universiti. Mana-mana staf, pelajar, pekerja luar dan pelawat, yang menggunakan kenderaan dalam kawasan kampus telah merosakkan atau memusnahkan harta benda Universiti atas sebab kecuaiian atau akibat daripada kesalahan lalu lintas jalan yang terkandung dalam Peraturan ini, dikehendaki membayar balik sejumlah wang mengikut nilai harta benda yang dirosakkan atau yang dimusnahkan setelah dituntut oleh Universiti.

4.2 Pihak Universiti boleh menuntut pembayaran balik nilai harta benda yang dirosakkan atau dimusnahkan seperti diperenggan 4.1(l) (3).

BAHAGIAN III - KUASA-KUASA DAN LANTIKAN

- 5.1 Naib Canselor hendaklah melantik secara bertulis mana-mana Pengawal Keselamatan sebagai penguatkuasa lalu lintas.
- 5.2 Pengawal Keselamatan hendaklah mempunyai kuasa yang berikut:
- a) Mengenakan tindakan kepada staf, pelajar, pekerja luar dan pelawat yang membawa kenderaan bermotor tanpa lesen di dalam kawasan kampus.
 - b) Melarang kenderaan motor yang tidak ada atau tidak menampalkan pelekat kenderaan dari memasuki kawasan kampus.
 - c) Menahan kenderaan dan menahan seseorang yang melakukan kesalahan lalu lintas dalam kawasan kampus bagi tujuan mengambil sebarang maklumat mengenainya yang difikirkan perlu.
 - d) Mengeluarkan saman lalu lintas kepada mana-mana orang yang melakukan kesalahan lalu lintas/jalan dalam kampus.
 - e) Mengunci roda kenderaan motor (*clamp*) yang melanggar peraturan meletak kenderaan.
 - f) Mengambil apa-apa jua tindakan lain yang diarahkan oleh Naib Canselor bagi menguatkuasakan Peraturan ini.
- 5.3 Naib Canselor juga boleh mewakilkan apa-apa kuasanya di bawah Peraturan ini kepada mana-mana staf yang lain.

BAHAGIAN IV – TINDAKAN DAN KOMPAUN

Tindakan Ke Atas Kesalahan Lalu Lintas

- 6.1 a) Seseorang staf, pelajar, pekerja-pekerja luar dan pelawat yang melakukan kesalahan lalu lintas di dalam kawasan kampus dikenakan salah satu atau kedua-dua tindakan seperti berikut:-

- 1) Dikenakan kompaun sehingga RM50.00 bagi setiap kesalahan yang dilakukan; atau
 - 2) Dikunci roda kenderaannya (clamp) dan dibuka setelah kompaun dijelaskan.
- b) Tindakan serta jumlah kompaun yang dikenakan adalah sepertimana di dalam **JADUAL PENYATA KESALAHAN DAN KOMPAUN** dan hendaklah dijelaskan dalam tempoh 14 hari dari tarikh dikeluarkan.
- 6.2 Sekiranya kompaun tidak dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan, pemotongan gaji staf berkenaan akan dilakukan.
- 6.3 Walau apa pun yang dinyatakan di dalam Kaedah-kaedah Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009, kegagalan pelajar membayar kompaun akan menyebabkan pelajar tidak dapat mendaftar pada semester berikutnya atau bergraduat sehinggalah kompaun berkenaan dibayar.
- 6.4 Bagi setiap kenderaan motor yang mempunyai kompaun tertunggak melebihi 3 kali atau kenderaan motor tersebut telah melakukan kesalahan yang berulang, **larangan bagi kenderaan** tersebut memasuki kawasan kampus boleh dilaksanakan sehingga kompaun tertunggak tersebut dijelaskan sepenuhnya.

BAHAGIAN V – PERUNTUKAN AM

Had Kuasa Pemakaian Peraturan

- 7.1. Pemakaian Peraturan ini hanya tertakluk terhadap semua kesalahan dan pelanggaran tatatertib lalu lintas jalan di kawasan kampus Universiti.
- 7.2. Tiada apa-apa jua dalam Peraturan ini boleh mengurangkan tanggungan mana-mana staf, pelajar, pekerja luar dan pelawat bagi apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

JADUAL PENYATA KESALAHAN DAN KOMPAUN

PERKARA	JUMLAH KOMPAUN (RM)	BAYARAN DALAM TEMPOH 14 HARI	BAYARAN DALAM TEMPOH 30 HARI	BAYARAN SELEPAS 30 HARI
Bagi setiap kesalahan Peraturan 4.1	50.00	30.00	40.00	50.00

PERKARA	JUMLAH KOMPAUN (RM)
Bayaran membuka kunci roda kenderaan (clamp) di bawah Peraturan 5.2 (e)	50.00